

13/08/2000

PM anggap isu peletakan jawatan Abu Hassan selesai

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan isu peletakan jawatan Datuk Seri Abu Hassan Omar sebagai Menteri Besar Selangor sudah selesai dan meminta semua pihak tidak membesar-besarkannya.

"Kita close (tutup) sudahlah, melainkan ada orang yang sengaja nak cari ... (memperbesarkannya sebagai isu politik).

"Pembangking memang ada isu ... itu kerja dia," kata Perdana Menteri yang menyifatkan isu itu lebih bersifat peribadi dan tidak membabitkan politik.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melawat limbungan kering khusus untuk kapal layar dan Cristal Village, iaitu pusat pembuatan barangan kristal, di Pulau Rebak, dekat sini, semalam.

Ditanya sama ada Abu Hassan perlu diminta menjalani ujian DNA untuk membersihkan namanya, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak fikir, itu masalahnya. Bukan soal parti nak kaji selidik soal itu. Dia nak berhenti, berhentilah."

Perdana Menteri juga berkata, pilihan raya kecil tidak perlu diadakan kerana Abu Hasaan hanya meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar dan bukan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

Mengenai senarai calon pengganti yang dikemukakan kelmarin, beliau berkata, perkara itu belum diputuskan. "Tengoklah dalam masa terdekat ini," katanya.

Kelmarin Badan Perhubungan Umno Selangor menyerahkan 11 nama Adun termasuk 10 yang menjadi ketua bahagian, sebagai calon Menteri Besar kepada Dr Mahathir.

Senarai itu diserahkan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Muhammad Muhd Taib kepada Perdana Menteri di Putrajaya.

Abu Hassan memberikan alasan kesihatan dan tekanan yang dihadapi keluarganya berikutan pelbagai tohmahan sejak menjadi Menteri Besar, tiga tahun lalu sebagai alasan meletakkan jawatan.

Antara tohmahan ialah dakwaan skandal seks dengan adik iparnya sehingga melahirkan anak yang sekarang berusia 12 tahun.

Bagaimanapun, Abu Hassan menafikan tohmahan berkenaan sambil menegaskan budak lelaki itu bukan anaknya, sebaliknya hasil perkahwinan adik iparnya dengan mualaf, yang juga rakannya, Abu Hassan Tan Abdullah.

Di KUANTAN, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata beliau percaya dan berdoa bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar dapat menjalankan kehidupan seterusnya dengan lebih tenteram dan selesa.

"Saya turut sedih kerana dia (Abu Hassan) terpaksa melepaskan jawatan itu dan saya faham keadaannya.

"Kita amat berterima kasih dengan khidmat baktinya terhadap negara ketika menjadi menteri, timbalan menteri dan menteri besar," katanya di sini, semalam.

(END)